

Pemuda MCA: Ong nafi singkir Yew

BH 26 JUL 2001
Oleh **Tim Kean Kiat**

KLJALA LUMPUR, Rabu — Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat hari ini menafikan menyingkirkan Setiausaha Agungnya, Senator Yew Teong Look walaupun beliau mengambil alih tugas penyelaras persediaan Perhimpunan Agung pergerakan itu, 3 Ogos ini.

Katanya, Yew akan terus menjalankan tugas sebagai Setiausaha Agung Pemuda MCA.

“Saya tidak menggugur atau menyingkirkan Yew kerana beliau turut menganggotai jawatankuasa pengelola dan menyediakan laporan Setiausaha Agung untuk perhimpunan 3 Ogos ini.

“Sebenarnya, tahun lalu perhimpunan agung diuruskan oleh Yew tetapi tugas terakhir dibuat oleh saya. Apa yang berbeza tahun ini ialah saya adalah penyelaras perhimpunan agung,” katanya pada sidang akhbar di Wisma MCA di sini, hari ini.

Anggota jawatankuasa pengelola itu selain Ong dan Yew ialah Timbalan Ketua Pemuda

MCA, Hoo Seong Chang, Timbalan Setiausaha Agung, Liow Tiong Lai dan Ketua Biro Undang-undang Pemuda, Lim Seng Chai.

Ditanya sama ada pengambilan kuasa itu menunjukkan beliau tidak mempercayai Yew, Ong berkata:

“Saya harus berhati-hati dalam semua aspek kerana akibatnya akan ditanggung oleh saya juga.”

Terdahulu, beliau berkata, tarikh tutup penyerahan cadangan resolusi ialah 27 Julai ini dan akan diteliti Biro Komunikasi dan Maklumat Pemuda MCA.

Dalam perkembangan lain, Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, berkata Perhimpunan Agung ke-48 MCA 4 Ogos ini akan hanya dihadiri perwakilan yang dijangka melebihi 2,300 orang.

Katanya, perhimpunan yang akan dirasmikan Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan dihadiri pemerhati disebabkan tempat duduk tidak mencukupi.